

## **SIARAN BERITA**

### **Pharmaniaga Catat Pertumbuhan Untung Selepas Cukai 135% pada Suku ke-3**

**KUALA LUMPUR, 6 November 2012** – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) telah mencatatkan prestasi kewangan yang kukuh apabila meraih untung selepas cukai sebanyak RM26 juta bagi suku ketiga berakhir 30 September 2012 berbanding RM11 juta bagi suku tahun yang sama tahun lepas. Sementara itu, untung sebelum cukai bagi tahun dilaporkan berjumlah RM29 juta berbanding RM16 juta bagi suku yang sama tahun lepas.

Bagi tempoh kumulatif sembilan bulan, Pharmaniaga mencatatkan keuntungan selepas cukai lebih tinggi iaitu RM71 juta berbanding RM41 juta yang dicatatkan tahun lepas, iaitu peningkatan yang kukuh sebanyak 73%.

Kumpulan mencapai untung sebelum cukai terkumpul sebanyak RM99 juta bagi tempoh kumulatif 9 bulan, yang mewakili pertumbuhan 74% peratus berbanding RM57 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun lepas. Keputusan positif ini dicapai berdasarkan perolehan lebih tinggi berjumlah RM1.33 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 16% berbanding dengan RM 1.15 bilion pada tahun sebelumnya.

Pendapatan sesaham juga meningkat untuk tempoh tersebut kepada 59 sen berbanding 34 sen tahun lepas.

Berasaskan prestasi mantap Kumpulan, Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen lebih tinggi sebanyak 10 sen sesaham (Suku ke-2, 2012: 7.5 sen sesaham) menjadikan keseluruhan dividen untuk tahun ini berjumlah 25 sen. Ini mencerminkan

hasrat Kumpulan untuk memberi ganjaran kepada pemegang saham yang setia dengan pulangan menarik di samping menjana pertumbuhan modal jangka panjang dengan meningkatkan pendapatan.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin, Pengerusi Pharmaniaga Berhad berkata, "Kami telah mencatatkan prestasi yang baik pada suku tahun ini, mengukuhkan potensi perniagaan kami berdasarkan permintaan yang lebih tinggi daripada pelanggan kami yang pelbagai. Faktor yang mendorong permintaan termasuk keperluan bagi rawatan perubatan, keperluan penjagaan kesihatan yang semakin meningkat dan penduduk yang kian meningkat usia. Tambahan lagi, kami telah mencapai penambahbaikan produktiviti yang ketara dalam sistem dan proses pengilangan kami."

Bahagian Pengeluaran mencatatkan prestasi yang cemerlang untuk tempoh sembilan bulan yang dilaporkan, dengan keuntungan RM41 juta berbanding RM13 juta bagi tempoh yang sama tahun lepas, iaitu peningkatan memberangsangkan sebanyak 215%. Prestasi kukuh ini dicapai oleh sumbangan daripada Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd dan juga tahap produktiviti dan kecekapan yang lebih tinggi di semua kilang.

Bahagian Logistik & Pengeedaran mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM59 juta berbanding RM44 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas. Penyumbang utama ialah perniagaan konsesi yang mencatatkan jumlah jualan lebih tinggi dan peningkatan dalam kecekapan operasi.

"Kami akan menggiatkan lagi usaha kami kerana permintaan bagi ubat generik mempunyai potensi besar di pasaran tempatan. Pada masa yang sama, perniagaan konsesi dijangka mencapai pertumbuhan yang lebih kerana pelanggan utama kami berpuas hati dengan prestasi yang kami pameran setakat ini. Kumpulan yakin dapat mengukuhkan nilai kepada pemegang saham, dengan berusaha menambah baik asas perniagaan demi meningkatkan pendapatan dan keuntungan," rumus YBhg Tan Sri Dato' Seri Lodin.

## **Kenyataan tinjauan masa depan**

Siaran ini mungkin mengandungi kenyataan tinjauan masa depan berhubung dengan keadaan kewangan, keputusan operasi dan perniagaan Kumpulan dan rancangan dan objektif tertentu Pharmaniaga Berhad berhubung dengan perkara ini. Berasaskan cirinya, kenyataan tinjauan masa depan membabitkan risiko dan ketidakpastian kerana hubungan kaitnya dengan peristiwa dan keadaan yang akan berlaku pada masa depan dan terdapat banyak faktor yang boleh menyebabkan keputusan dan prestasi sebenar pada masa depan berbeza secara ketara daripada yang dinyatakan secara tersurat atau tersirat dalam kenyataan tinjauan masa depan ini.

*-tamat-*

Dikeluarkan bagi pihak: <b>Pharmaniaga Berhad</b> Oleh: <b>acorn communications sdn bhd</b> Untuk maklumat lanjut, sila hubungi <b>Roshen Dev</b> di <b>016 251 8694</b> atau <b>Natalia Ghani</b> di <b>03 7958 8348</b> Atau hantarkan e-mel ke <a href="mailto:acorncommunications@acornco.com.my">acorncommunications@acornco.com.my</a>
--